

03 AUG 1999

JENTERA BN NEGERI SEMBILAN TELAH BERSIAP SEDIA HADAPI P/RAYA UMUM

BAHAU, 3 Ogos (Bernama) -- Jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) negeri ini telah bersiap sedia menghadapi pilihan raya umum akan datang, kata Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Mohd Isa yang juga Pengerusi BN negeri berkata, setakat ini beliau telah melawat empat kawasan iaitu Rasah, Kuala Pilah, Tampin dan Jempol dan berpuas hati dengan persiapan yang disusun.

"Siri lawatan itu dijangka berakhir pertengahan bulan itu. Siri lawatan itu juga antara lain bagi mengenal pasti masalah atau kelemahan yang wujud," katanya kepada pemberita selepas majlis pecah tanah projek perumahan awam kos rendah Ayer Hitam, dekat sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa masa bagi pilihan raya umum semakin suntuk dan mengarahkan jentera BN keluar segera menemui setiap anggota parti dan pengundi.

Menurut beliau, sebenarnya BN telah bersiap awal termasuk mengadakan pertemuan dengan anggota parti dan pengundi.

-- BERNAMA

AS PR